

Lebuh Raya TEKI dibina akhir 2003

UM 15 JUL 2003

Oleh NOR AZIAH JAAFAR

KUALA LUMPUR 14 Julai — Projek Lebuh Raya Trans Eastern Kedah Interland (TEKI) dari Durian Burung ke Kupang sejauh 116 kilometer bernilai RM489.5 juta akan dibina dalam tiga peringkat dengan fasa pertama pembinaannya dijangka bermula akhir tahun ini.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, fasa pertama projek tersebut melibatkan pembinaan laluan baru sepanjang 44 kilometer dari Durian Burung ke Pedu menggunakan simen konkrit, yang dianggarkan menelan kos RM250 juta.

Menurutnya, buat masa ini rundingan harga kontrak sedang berjalan antara pihak kementerian dengan kontraktor yang dilantik iaitu Konsortium Syarikat Bina Darulaman dan Pembinaan Kery Sdn. Bhd.

Jelasnya, rundingan tersebut dijangka selesai serta diperakukan kepada Kementerian Kewangan untuk diluluskan sebelum 31 Julai ini.

“Bagi pakej kedua iaitu dari Pedu ke Weng dan pakej ketiga iaitu dari Weng ke Kupang, kerja-kerja reka bentuk sedang dijalankan yang dijangka siap pada Oktober ini.

“Buat masa ini belum ada kelulusan bagi pakej kedua dan ketiga projek lebuh raya tersebut,” ujarnya kepada pemberita selepas mencnyampaikan Anugerah Khidmat Cemerlang kepada 606 kakitangan kementerian itu dari seluruh negara di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) di sini hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam lawatannya ke Kedah awal bulan ini meminta supaya pembinaan jalan tersebut dipercepatkan memandangkan kerajaan Thailand sudahpun membina jalan raya di seberang sempadan yang menghubungkan bandar Songkhla di selatan negara berkenaan.

Menurut Samy Vellu, laluan fasa pertama projek itu melibatkan pembinaan laluan dua lorong sepanjang enam kilometer manakala 38 kilometer lagi adalah laluan selorongan bahu jalan berturap.

Katanya, bagi laluan fasa kedua dan ketiga

yang masing-masing sepanjang 47 kilometer dan 25 kilometer, ia melibatkan kerja-kerja menaik taraf jalan sedia ada secara selorongan dengan bahu jalan berturap yang kosnya masing-masing dianggarkan RM155 juta dan RM84.5 juta.

“Jabatan Kerja Raya (JKR) tidak akan mengenakan tol untuk laluan di lebuh raya ini,” ujarnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Samy Vellu berkata, kementerian telah membuat permohonan kepada Unit Perancangan Ekonomi (EPU) untuk memulakan sebahagian daripada 600 projek yang sebelum ini tertang-

guh akibat kemerosotan ekonomi.

Menurutnya, melalui Pakej Rangangan Baru Ekonomi yang diumumkan oleh Perdana Menteri sebelum ini, kementerian tersebut memainkan peranan penting dalam merealisasikan matlamat kerajaan dengan ketamaan diberi kepada projek infrastruktur dan yang berkaitan dengan pembinaan.

Beliau memberitahu, pada tahun ini, sektor pembinaan yang pada awalnya dianggarkan berkembang pada kadar 1.9 peratus (RM7.5 bilion) dijangka meningkat lebih tinggi berikutan pelancaran pakej ekonomi tersebut.